

D.R. 10/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024.

(2) Seksyen 2 disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Pindaan seksyen 22DA

2. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dipinda dalam seksyen 22DA dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Tertakluk pada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, jika bagi mana-mana tahun taksiran seseorang—

(a) memperoleh apa-apa barang yang dijual atau menikmati apa-apa perkhidmatan yang dilaksanakan; atau

- (b) menyediakan platform perdagangan elektronik berkenaan dengan apa-apa barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh mana-mana orang lain,

orang itu hendaklah bagi tahun taksiran itu mengeluarkan suatu invoice bil sendiri mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah dan invoice itu hendaklah dianggap sebagai suatu invoice elektronik.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”).

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 22DA(6) Akta 445 untuk menghendaki penyedia platform perdagangan elektronik untuk mengeluarkan invoice bil sendiri mengikut syarat dan spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3349]